

Tingkat 2, Blok A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.



**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG**  
**STATE SECRETARY OF PAHANG**

**#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>**

• Telefon : 09-5162253  
09-5126601  
• Fax : 09-5156106

Ruj. Kami : SUKPHG-1.100-9/1/9.Jld.4 (15)  
Tarikh : 18 Mei 2021

**Semua Ketua Jabatan Negeri**

**Semua Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah**

**Semua Pihak Berkuasa Tempatan**

**Semua Badan Berkanun Negeri**

**Semua Setiausaha Bahagian / Ketua Unit, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang**

Sahibus Samahah Dato' Sri/YAA Dato' Sri/YB Dato' Indera/YH Dato'/Tuan/Puan,

**ARAHAN PENGOPERASIAN SEMULA KAUNTER PERKHIDMATAN BAGI JABATAN /  
AGENSI NEGERI PAHANG KETIKA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN (PKP)**

Saya dengan segala hormatnya merujuk surat edaran pentadbiran ini, Ruj: SUKPHG 1.100-9/1/9.Jld.4 (14) bertarikh 11 Mei 2021 mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak Sahibus Samahah Dato' Sri/YAA Dato' Sri/YB Dato' Indera/YH Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, pentadbiran ini telah menguatkuasakan **arahan tatacara pengoperasian jabatan / agensi Negeri Pahang ketika pelaksanaan PKP berkuat kuasa mulai 12 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021** melalui surat edaran seperti di atas.

3. Merujuk kepada para 2 (iii) surat edaran tersebut, semua urusan kaunter perkhidmatan yang melibatkan urusan orang awam ditangguhkan sementara waktu mulai 12 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021 dan digalakkan menggunakan perkhidmatan dalam talian. Walau bagaimanapun, bagi kemudahan pelanggan yang mempunyai urusan penting, Ketua Jabatan dikehendaki untuk **memastikan kaunter perkhidmatan jabatan beroperasi semula mengikut waktu operasi kaunter masing-masing, berkuat kuasa serta merta** dengan memastikan pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi mengekang penularan virus COVID-19 di Negeri Pahang.

4. Ketua Jabatan juga bertanggungjawab memastikan **semua urusan di kaunter perkhidmatan tersebut adalah hanya melalui sesi temujanji yang ditetapkan sahaja**. Penyampaian perkhidmatan secara dalam talian seperti pembayaran hasil melalui perbankan elektronik sangat digalakkan dan perkhidmatan kaunter boleh dilanjutkan sehingga jam 8.00 malam bagi mengelakkan kesesakan. Pemantauan kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) di tempat kerja akan dilaksanakan oleh pasukan penguatkuasa dari semasa ke semasa.


5. Akhir kata, saya merakamkan jutaan terima kasih di atas perhatian dan keprihatinan pihak Sahibus Samahah Dato' Sri/YAA Dato' Sri/YB Dato' Indera/YH Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini.

Sekian.

***"Mudah, Cepat, Telus"***

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK, SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.)**